

# Memang tradisi UMNO tak ada rebutan dalam pucuk pimpinan — Mahathir

ALUR SETAR 28 Feb. —

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia dapat mengekalkan pemerintahan yang berkesan kerana adanya sikap setia pada pimpinan yang baru.

Katanya, memang menjadi adat atau tradisi dalam Barisan Nasional dan UMNO tidak ada rebutan dalam pucuk pimpinan.

Bagaimanapun, Perdana Menteri mengakui mungkin ada sungutan yang datang dari sekumpulan kecil bila berlaku perubahan pimpinan.

Datuk Sri Dr. Mahathir selaku Pengerusi Barisan Nasional yang juga Presiden UMNO berucap di depan kira-kira 2,000 orang penyokong parti-parti komponen Barisan Nasional setibanya di Lapangan Terbang Kepala Batas di sini lewat pe-

tang ini.

Beliau mensifatkan perhimpunan secara spontan yang tidak dirancang itu yang terdiri dari anggota semua parti komponen Barisan Nasional itu sempena lawatan beliau itu sebagai bukti Menteri Besar baru Datuk Paduka Haji Osman Aroff mendapat sokongan semua pihak.

Beliau berharap semua pihak mempunyai perasaan seperti itu kerana "pimpinan kita bukan pimpinan secara individu."

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, kepimpinan itu untuk memberikan segala hasrat bersama melalui satu saluran.

Menurutnya, "bila masa tiba untuk dia mengambil tempat dia sedia mengambil tempat dan bila tiba masa untuk mengun-

durkan diri dia dengan rela hati mengundurkan diri," kata beliau.

Presiden UMNO itu bersyukur sokongan yang dibuktikan itu amat penting bukan untuk satu orang tetapi merupakan cita-cita bersama.

Beliau menyebut walaupun ada masalah antara kaum tetapi parti-parti komponen biasanya dapat

menyelesaikan masalah tersebut melalui perpaduan.

Datuk Sri Dr. Mahathir selaku Ketua UMNO bahagian Kubang Pasu malam ini mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa UMNO bahagian tersebut yang juga dihadiri oleh Menteri Besar Datuk Paduka Haji Osman Aroff selaku timbalan ketua bahagian itu.

UM 1 MAR 1985